

02/01/1997

Hubungan Malaysia, Australia tidak terjejas

MELBOURNE (Australia), Rabu - Kejadian seorang pelajar Malaysia menjadi mangsa perkauman di Australia, tidak menjejaskan hubungan kedua-dua negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya berpendapat kejadian itu tidak menjejaskan hubungan dua negara," kata Dr Mahathir dalam suratnya kepada Ketua Menteri Victoria, Jeff Kennett, yang disiarkan pemimpin negeri itu, hari ini.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin kerajaan negeri Victoria akan memastikan pelajar Malaysia selamat. Ia adalah jawapan Dr Mahathir kepada surat Kennett.

Ketua Menteri Victoria itu mengutus surat kepada Dr Mahathir bulan lalu selepas beliau menegaskan bahawa Kuala Lumpur akan memanggil pulang pelajar Malaysia yang menuntut di Victoria kerana kejadian itu.

Ia berlaku ketika perbincangan perkauman meletus di Australia, berpunca daripada ucapan ahli politik bebas yang juga anggota Parlimen, Pauline Hanson, September lalu yang memberi amaran negara itu menghadapi risiko dibanjiri imigran Asia.

Akhbar Malaysia melaporkan, Adrina Shazlin Shukor, 22, pelajar di Institut Teknologi Melbourne, sebagai berkata beliau bimbang keselamatan selepas dimaki hamun.

Dua lelaki Australia melemparkan kata-kata kesat terhadapnya, menggambarkannya sebagai sampah dan menyuruhnya keluar dari Australia, kata Shazlin.

Kennett berkata, beliau berharap kejadian itu tidak akan mempengaruhi hubungan kukuh dua negara sama ada laporan itu tepat atau tidak.

Perkhidmatan pendidikan bagi pelajar luar negara adalah antara industri eksport terbesar dan paling maju di Australia di mana nilainya dianggarkan A\$2 bilion (RM4 bilion) pada tahun lalu. - AFP

(END)